# PARLIMEN MALAYSIA



**RANG UNDANG-UNDANG**

**Perbekalan Tambahan ( 1968 ) 1968**

**DR.24/1968**

D. R. No. 24 68

# RANG UNDANG²

*bernama*

Suatu Act bagi menggunakan wang daripada Kumpulan Wang Yang di-Satukan untok perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1968 dan bagi memperuntokkan wang itu bagi maksud² yang tertentu.

[ ]

MAKA INI-LAH DI-PERBUAT UNDANG² oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Ra'ayat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripada-nya, saperti berikut:

**Tajok ringkas.**

1. Act ini boleh-lah di-namakan Act Perbekalan Tambahan (1968), 1968.

**Perbelanjaan tambahan bagi tahun 1968.**

2. (1) Maka dengan ini ada-lah di-benarkan pengeluaran sa-jumlah wang yang tidak lebeh daripada sembilan juta enam ratus tiga puloh lima ribu sembilan ratus enam puloh empat ringgit ($9,635,964) daripada Kumpulan Wang Yang di-Satukan bagi perbelanjaan untok berbagai² perkhidmatan yang di-nyatakan dalam Jadual bagi perkhidmatan tahun 1968 yang tidak di-peruntokkan atau yang tidak di-peruntokkan dengan sa-penoh-nya oleh Act Perbekalan, 1968. *2 tahun 1968.*

**Peruntokan.**

(2) Wang yang tersebut itu ada-lah di-peruntokkan bagi maksud² yang di-nyatakan dalam Jadual kapada Act ini.

## JADUAL

(Sekshen 2)

| Kepala No. (1) | Tajok (2) | Peruntokan bagi kepala (3) $ |
|---|---|---|
| B. 1 | ... Parlimen ... ... ... ... | 25,000 |
| B. 4 | ... Surohanjaya Pilehanraya ... ... | 21,377 |
| B. 7 | ... Perdana Menteri ... ... ... | 149,072 |
| B. 12 | ... Kementerian Pertanian dan Sharikat Kerjasama ... ... ... ... | 65,820 |
| B. 13 | ... Kementerian Perdagangan dan Perusahaan ... ... ... ... | 420,000 |
| B. 17 | ... Kementerian Pelajaran ... ... | 12,750 |

| Kepala No. (1) | Tajok (2) | Peruntokan bagi kepala (3) |
|---|---|---|
| | | $ |
| B. 20 ... | Kementerian Luar Negeri ... ... | 177,191 |
| B. 22 ... | Perbendaharaan ... ... ... | 60,000 |
| B. 23 ... | Perkhidmatan 'Am Perbendaharaan | 592,521 |
| B. 24 ... | Peruntokan kapada Kumpulan Wang Terkanun ... ... ... ... | 7,000,000 |
| B. 27 ... | Jabatan Hasil Dalam Negeri ... | 144,000 |
| B. 29 ... | Kementerian Kesihatan ... ... | 15,000 |
| B. 42 ... | Kementerian Ke'adilan ... ... | 45,860 |
| B. 43 ... | Jabatan Kehakiman ... ... ... | 48,000 |
| B. 44 ... | Jabatan Peguam Negara ... ... | 11,000 |
| B. 47 ... | Kementerian Buroh ... ... ... | 8,500 |
| B. 48 ... | Kementerian Tanah dan Galian ... | 15,000 |
| (Baharu) B. 73 ... | Jabatan Pertahanan 'Awam ... ... | 824,873 |
| | Jumlah ... | 9,635,964 |

---

## HURAIAN

Tujuan Rang Undang² ini ia-lah untok memberi kuasa berkanun bagi bayaran² tambahan yang tertentu yang akan di-buat untok perkhidmatan² 'awam persekutuan dalam tahun 1968 yang melebehi perbelanjaan yang di-benarkan oleh Act Perbekalan 1968, dan untok mengadakan peruntokan bagi mengganti pendahuluan² yang di-buat daripada Kumpulan Wang Belanja Luar-jangka sa-bagaimana yang di-kehendaki oleh Perkara 103 Perlembagaan.

[PN. 3654/6.]